



7 Jun 2011  
7 June 2011  
P.U. (A) 187

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PELESENAN BAGI PENGILANGAN) 2011

*PESTICIDES (LICENSING FOR MANUFACTURING)  
RULES 2011*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PELESENAN BAGI PENGILANGAN ) 2011

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Permohonan bagi lesen
4. Pengeluaran lesen
5. Takat lesen
6. Pembaharuan lesen
7. Salinan lesen yang diperakui sah
8. Pempameran lesen
9. Kewajiban pemegang lesen
10. Penyenggaraan dan pengemukaan rekod, dsb.
11. Fi

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PELESENAN BAGI PENGILANGAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 57(1) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri, setelah berunding dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan bagi Pengilangan) 2011**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2011.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“lesen” ertinya lesen untuk mengilang racun makhluk perosak yang dikeluarkan di bawah subseksyen 15(2) Akta;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah subseksyen 15(2) Akta.

**Permohonan bagi lesen**

3. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam Borang A sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan.

(2) Seseorang pemohon hendaklah memberikan apa-apa maklumat lanjut sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(3) Jika pemohon adalah suatu pertubuhan perbadanan, permohonan hendaklah disempurnakan dan ditandatangani oleh seseorang atau orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh pertubuhan perbadanan itu.

(4) Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

### **Pengeluaran lesen**

4. (1) Lesen tidak boleh dikeluarkan kepada seseorang melainkan jika pemohon—

(a) ialah pendaftar racun makhluk perosak;

(b) ialah orang yang mengilang di bawah perjanjian bagi pihak pendaftar racun makhluk perosak itu; dan

(c) telah mematuhi undang-undang yang berkaitan yang dikuatkuasakan oleh agensi lain Kerajaan.

(2) Lesen yang dikeluarkan hendaklah dalam Borang B sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Lembaga boleh, menentukan apa-apa syarat yang dikenakan bagi pengeluaran lesen dan boleh, pada bila-bila masa, mengubah, menambah, membatalkan atau meminda syarat-syarat yang dikenakan pada lesen yang dikeluarkan itu.

### **Takat lesen**

5. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah termasuk perkara-perkara yang berhubungan dengan penyimpanan, pemilikan racun makhluk perosak di mana-mana kilang yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Lembaga secara bertulis mengenai apa-apa perubahan bagi perkara-perkara yang disebut di bawah subkaedah (1) dalam tempoh lima hari bekerja dari tarikh berlaku perubahan itu.

### **Pembaharuan lesen**

6. (1) Suatu lesen boleh diperbaharui apabila permohonan dibuat kepada Lembaga dalam Borang A sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan sebelum tamat tempoh lesen itu.

(2) Lembaga boleh, semasa meluluskan pembaharuan lesen itu, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

### **Salinan lesen yang diperakui sah**

7. (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon secara bertulis kepada Lembaga bagi mendapatkan salinan lesen yang diperakui sah jika lesen itu telah hilang, rosak atau cacat.

(2) Suatu permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) fi yang ditetapkan; dan

(b) suatu salinan pernyataan yang dibuat oleh pemegang lesen yang menyatakan bahawa lesen yang dikeluarkan kepadanya itu hilang, rosak, cacat atau suatu pernyataan yang menyatakan sebab-sebab bagi permohonan itu.

(3) Lembaga boleh mengeluarkan salinan lesen yang diperakui sah kepada pemegang lesen itu jika Lembaga berpuas hati bahawa lesen asal telah hilang, rosak atau cacat.

(4) Salinan lesen yang asal yang dikeluarkan di bawah subkaedah (3) hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan lesen yang asal.

### **Pempameran lesen, dsb.**

8. (1) Pemegang lesen hendaklah menyebabkan lesen itu dipamerkan pada setiap masa di suatu bahagian yang mudah dilihat di kilang atau premis yang

dinyatakan dalam lesen itu dan hendaklah mengemukakan rekod dan apa-apa dokumen lain berhubungan dengan pengilangan racun makhluk perosak itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang memintanya bagi maksud pemeriksaan.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), pemegang lesen hendaklah mempamerkan apa-apa maklumat lain mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

### **Kewajiban pemegang lesen**

9. Pemegang lesen hendaklah—

- (a) membekalkan pakaian perlindungan peribadi dan kelengkapan yang sesuai yang dikehendaki supaya dipakai oleh pekerja dalam pengilangan racun makhluk perosak;
- (b) menyenggara atau menyebabkan supaya disenggara semua pakaian perlindungan peribadi dan kelengkapan dalam keadaan yang boleh digunakan dengan baik;
- (c) mengadakan kemudahan membasuh yang sesuai seperti air paip, sabun, sinki dan lantai bersimen bagi membasuh pakaian perlindungan dan kelengkapan;
- (d) menyediakan alat pertolongan cemas kepada pekerja-pekerjanya;
- (e) pada setiap masa menyimpan racun makhluk perosak yang belum dikilang atau yang telah dikilang di suatu tempat yang telah diluluskan oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa; dan
- (f) menyediakan kepada semua pekerjaanya yang terlibat dalam pengilangan racun makhluk perosak pemeriksaan perubatan sekurang-kurangnya sekali setahun, yang rekod pemeriksaan

sedemikian hendaklah disimpan untuk lima tahun dan hendaklah disediakan bagi pemeriksaan oleh pegawai yang diberi kuasa, apabila diperlukan.

**Penyenggaraan dan pengemukaan rekod, dsb.**

10. (1) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa menyimpan dan menyenggara atau menyebabkan supaya disimpan atau disenggara suatu rekod pengilangan bagi suatu tempoh tidak kurang daripada lima tahun.

(2) Tertakluk kepada subkaedah 6(b), pemegang lesen hendaklah menyimpan rekod berhubungan dengan kebenaran untuk mengilang bagi pihak pendaftar racun makhluk perosak bagi suatu tempoh tidak kurang daripada lima tahun.

(3) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rekod itu dan apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh pegawai yang diberi kuasa bagi maksud pemeriksaan.

**Fi**

11. (1) Apa-apa fi yang kena dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Fi yang telah dibayar menurut subkaedah (1) tidak boleh dikembalikan.

## JADUAL PERTAMA

## AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PELESENAN BAGI PENGILANGAN ) 2011

[Subkaedah 3(1), 6(1) dan 7(1)]

FI

<b>No.</b>	<b>Kaedah</b>	<b>Perkara</b>	<b>Fi</b>
1.	Subkaedah 3(1)	Permohonan baru bagi lesen	RM 100.00
2.	Subkaedah 6(1)	Membaharui permohonan bagi lesen	RM 100.00
3.	Subkaedah 7(1)	Permohonan bagi mendapatkan salinan lesen yang hilang	RM 100.00
4.	Subkaedah 7(1)	Permohonan bagi mendapatkan salinan lesen yang rosak atau cacat	RM 50.00

JADUAL KEDUA

**BORANG A**

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PELESENAN BAGI PENGILANGAN ) 2011

[Kaedah 3 dan 6]

PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN/MEMBAHARUI\* LESEN MENGILANG RACUN  
MAKHLUK PEROSAK

(Permohonan ini hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Lembaga Racun Makhluk  
Perosak, Bahagian Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian)

\* Untuk diisi dalam satu salinan

---

Permohonan bagi :  
(Sila (/) mana yang sesuai)

(a) Lesen baru :

(b) Pembaharuan lesen :

(i) No. lesen semasa : .....

(ii) Tempoh sah lesen : Dari :..... hingga .....

---

1. Nama pemohon :  
.....

2. Nama \*syarikat/perniagaan :  
.....

3. Alamat surat-menyurat \*syarikat/perniagaan :  
.....  
.....  
.....

4. Poskod : ..... 5. Negeri : .....

6. No. Telefon : ..... 7. No. Faks : .....
8. Alamat e-mel : .....
9. Alamat \*syarikat/perniagaan yang perniagaan pengilangan racun makhluk perosak \*dijalankan/akan dijalankan (jika berlainan daripada No. 3)

.....  
 .....

10. Poskod : ..... 11. Negeri : .....

12. No. Telefon : ..... 13. No. Faks : .....

14. No. pendaftaran \*syarikat/perniagaan : .....

15. Premis perniagaan berada di \*dalam/luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

16. Status perkilangan (*Sila tandakan (/) pada kotak yang sesuai*)

(a) Pendaftar atau orang yang racun makhluk perosak didaftarkan atas permohonannya

(b) Mengilang di bawah perjanjian

17. Maklumat racun makhluk perosak dikilangkan, jika pendaftar:

Bil.	Nama Dagangan	% Perawis Aktif	Kelas	No. Pendaftaran	Tarikh Pendaftaran	Tujuan Mengilang***

\*\*\* Tujuan mengilang – menyediakan, mensebatikan, merumuskan, mencampurkan, membuat, membungkus, membungkus semula, melabel, mengawetkan

18. Maklumat racun makhluk perosak dikilang bagi pihak lain di bawah perjanjian, jika mengilang di bawah perjanjian

Bil.	Nama Dagangan	% Perawis Aktif	Kelas	Racun Makhluk Perosak Didaftar Atas Permohonan	No. Pendaftaran	Tarikh Pendaftaran	Nama Pendaftar	Tujuan Mengilang ***

19. Saya mengemukakan:  
(Sila tandakan (/) pada kotak yang sesuai)

- suatu salinan pelan lakar kilang, tempat penyimpanan bahan mentah, racun makhluk perosak yang telah siap dikilang, tempat mengilang, makmal dan lain-lain
- suatu salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- suatu salinan Lesen Perniagaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
- suatu salinan Lesen Pengilangan yang dikeluarkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975
- suatu salinan Perakuan Permerbadanan Syarikat Sendirian yang dikeluarkan di bawah Akta Syarikat 1965
- \*draf bank penerima akaun/kiriman wang/wang pos No. : ..... yang dibayar kepada **Ketua Pengarah Pertanian, Semenanjung Malaysia** bagi amaun sebanyak RM 100.00 sebagai fi bagi mendapatkan/membaharui lesen mengilang racun makhluk perosak

20. \*Saya/Kami mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan betul.

.....  
(Tandatangan pemohon)

Nama : .....

No. KP : .....

Tarikh : .....

Untuk dan bagi pihak : ( *Nyatakan nama \*syarikat/perniagaan* ) : .....

Meterai \*syarikat/Cop perniagaan :

---

\*Potong mana yang tidak dikenakan

**BORANG B**

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PELESENAN BAGI PENGILANGAN) 2011

[Kaedah 4]

LESEN MENGILANG RACUN MAKHLUK PEROSAK

No. lesen : .....

Nama syarikat/perniagaan : .....


Alamat : .....

.....

dikilang di .....

Tempoh sah : Dari ..... hingga ..... (hb/bln/thn)

Bertarikh pada ..... haribulan .....



Tandatangan : .....

Nama : .....

Setiausaha  
Lembaga Racun Makhluk Perosak

---

Dibuat 5 Mei 2011

[KP/LA/483/11/J]ld. 7; PN(PU2)275/XIV]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (LICENSING FOR MANUFACTURING) RULES 2011

ARRANGEMENT OF RULES

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Application for licence
4. Issuance of licence
5. Extent of licence
6. Renewal of licence
7. Certified copy of licence
8. Display of licence
9. Obligations of the holder of a licence
10. Maintenance and production of records, *etc.*
11. Fees

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (LICENSING FOR MANUFACTURING) RULES 2011

IN exercise of the powers conferred by subsection 57(1) of the Pesticides Act 1974 [Act 149], the Minister, after consultation with the Pesticides Board, makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Pesticides (Licensing for Manufacturing) Rules 2011**.

(2) These Rules come into operation on 1 July 2011.

**Interpretation**

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“licence” means a licence to manufacture pesticides issued under subsection 15(2) of the Act;

“holder of a licence” means a person licensed under subsection 15(2) of the Act.

**Application for licence**

3. (1) An application for a licence shall be made to the Board in Form A as prescribed in the Second Schedule and shall be accompanied with the prescribed fee.

(2) The applicant shall furnish such further information as the Board may require.

(3) Where the applicant is a body corporate, the application shall be completed and signed by a person or persons duly authorised in that behalf by the body corporate.

- (4) The Board may impose any conditions as it thinks fit.

**Issuance of licence**

4. (1) A licence cannot be issued to any person unless—
- (a) he is the registrant of the pesticides;
  - (b) he is the person manufacturing under agreement on behalf of the registrant of the pesticides; and
  - (c) he has complied with the relevant laws which were enforced by other Government agencies.
- (2) The licence issued shall be in Form B as prescribed in the Second Schedule.
- (3) The Board may, impose any condition for the issuance of the licence and may, from time to time, alter, add, cancel or amend the conditions imposed on the licence issued.

**Extent of licence**

5. (1) A licence issued under these Rules shall include matters relating to the storage, owning, of pesticides at any factory specified in the licence.
- (2) The holder of a licence shall inform the Board in writing of any changes to the particulars of the matters mentioned under subrule (1) within five working days from the date of such changes.

**Renewal of licence**

6. (1) A licence may be renewed upon application being made to the Board in Form A as prescribed in the Second Schedule and shall be accompanied by the prescribed fee before the expiration of the licence.

(2) The Board may, when approving the renewal of the licence, impose any conditions as it thinks fit.

**Certified copy of licence**

7. (1) A holder of a licence may apply in writing to the Board for a certified copy of a licence if the licence is lost, damaged or mutilated.

(2) An application under subrule (1) shall be accompanied by—

(a) the prescribed fee; and

(b) a copy of the statement made by the holder of the licence to the effect that the licence issued to him is lost, damaged, mutilated or a statement specifying the reasons for the application.

(3) The Board may issue a certified copy of the licence to the holder of the licence if the Board is satisfied that the original licence is lost, damaged or mutilated.

(4) The copy of the original of the licence issued under subrule (3) shall have the same effect as the original licence.

**Display of licence, etc.**

8. (1) A holder of a licence shall cause a licence to be displayed at all times in a conspicuous part of the factory or premises specified in the licence and shall produce record and any other documents relating to the manufacturing of the pesticides, as the case may be, to any authorised officer on demand for inspection purposes.

(2) Notwithstanding subrule (1), the holder of a licence shall display such other information in such manner as the Board may from time to time require.

**Obligations of the holder of a licence**

9. A holder of a licence shall—

- (a) supply appropriate personal protective clothing and equipments required to be worn by workers in the manufacturing of the pesticides;
- (b) maintain or cause to maintain all protective clothing and equipment in good working condition;
- (c) provide suitable cleaning facilities such as pipe water, soap, sink and cemented floors to wash protective clothing and equipment;
- (d) provide first-aid kit for his workers;
- (e) at all times keep the unmanufactured or manufactured pesticides in a place that has been approved by an Authorised Officer ; and
- (f) provide for all its workers involved in the manufacturing of pesticides a medical check up at least once a year, the record of which shall be kept for five years and shall be made available for inspection by any authorised officer, when required.

**Maintenance and production of records, etc.**

10. (1) A holder of a licence shall at all times keep and maintain or cause to be kept or maintained a manufacturing record for a period of not less than five years.

(2) Subject to subrule 6(b), the holder of a licence shall keep records relating to the consent to manufacture on behalf of the registrant of pesticides for a period of not less than five years.

(3) The holder of a licence shall produce the record and any such other documents on demand by an authorised officer for inspection purposes.

**Fees**

11. (1) Any fees payable under these Rules shall be as specified in the First Schedule.

(2) The fees paid pursuant to subrule (1) shall not be refundable.

## FIRST SCHEDULE

## PESTICIDES ACT 1974

## PESTICIDES (LICENSING FOR MANUFACTURING) RULES 2011

[Subrule 3(1), 6(1) and 7(1)]

## FEES

No.	Rule	Matters	Fees
1.	Subrule 3(1)	New application for licence	RM 100.00
2.	Subrule 6(1)	Renewal application for licence	RM 100.00
3.	Subrule 7(1)	Application for a copy of lost licence	RM 100.00
4.	Subrule 7(1)	Application for a copy of damaged or mutilated licence	RM 50.00

SECOND SCHEDULE

FORM A

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (LICENSING FOR MANUFACTURING) RULES 2011

[Rules 3 and 6]

APPLICATION FOR/RENEWAL\* LICENCE TO MANUFACTURE PESTICIDES

(This application shall be submitted to the Secretary, Pesticides Board,  
Pesticides Control Division, Department of Agriculture)

\* One copy to be completed

Application for:  
(Please (/) as appropriate)

(a) New licence :

(b) Renewal of licence :

(i) Existing licence No. : .....

(ii) Validity period of licence : From: ..... until .....

1. Name of applicant : .....

2. Name \*of company/business : .....

3. Corresponding address of \*company/business :

.....  
.....  
.....

4. Postcode : ..... 5. State : .....

6. Phone No. : ..... 7. Fax No. : .....

8. Email address : .....

9. Address of \*company/business where business of manufacturing pesticides \*is/will

be carried out (if different from No. 3)

.....  
 .....

10. Postcode : ..... 11. State : .....

12. Telephone No. : ..... 13. Fax No. : .....

14. Company/business\* Registration No. : .....

15. Business premises is located \*inside/outside the Local Authority area

16. Manufacturing status (*Please tick (/) at the appropriate box*)

(a) Registrant or the person the pesticide is registered on his application

(b) Manufacturing under agreement

17. Information of the manufactured pesticides, if the registrant:

No.	Trade Name	% Active Ingredient	Class	Registration No.	Date of Registration	Purpose of Manufacture***

\*\*\*The purpose of manufacture – prepare, compound, formulate, mix, make, pack, re-pack, label, treat

18. Information on the manufactured pesticides on behalf of other parties under an agreement, if manufactured under an agreement

No.	Trade Name	% Active Ingredient	Class	The Pesticide Registered on the Application	Registration No.	Date of Registration	Name of the Registrant	Purpose of Manufacture ***

19. I forward:

*(Please tick (/) at the appropriate box)*

- a copy of sketch plan of the factory, the storage place of the raw materials, pesticides that have been manufactured, the manufacturing place, laboratory and others
- a copy of Registration of Businesses Certificate issued under the Registration of Businesses Act 1956
- a copy of Business Licence issued by the Local Authority
- a copy of Manufacturing Licence issued under the Industrial Co-ordination Act 1975
- a copy of Private Company Incorporation Certificate issued under the Companies Regulations Act 1965
- \*an account payee bank draft/money order/postal order No. : ..... made payable to the **Ketua Pengarah Pertanian, Semenanjung Malaysia** for the amount of RM 100.00 as a fee for the licence or for the renewal of the licence

20. \*I/We declare that all the information provided in this application is true and correct.

.....

(Signature of the applicant)

Name : .....

NRIC No. : .....

Date : .....

For and on behalf of: *(State name of \*company/business)*: .....

\* Company seal/Business Stamp:

---

\* Delete whichever is inapplicable

**FORM B**

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (LICENSING FOR MANUFACTURING) RULES 2011

[Rule 4]

LICENCE TO MANUFACTURE PESTICIDES

Licence No. : .....

Name of company/business : .....


Address : .....

.....

manufactured at .....

Validity Period : From ..... until ..... (dd/mm/yyyy)

Dated on : ..... Day of .....



Signature : .....

Name : .....

Secretary  
Pesticides Board

---

Made 5 May 2011  
[KP/LA/483/11/J]ld. 7; PN(PU2)275/XIV]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
*Minister of Agriculture and Agro-based Industry*